



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**URUSAN DAN PENGENDALIAN PROSIDING KES SIVIL DAN JENAYAH DI  
MAHKAMAH SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA III**

Pejabat ini diarahkan oleh YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan mengenai urusan dan pengendalian prosiding kes sivil dan jenayah di Mahkamah semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa III melalui Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 10 Tahun 2021 yang berkuat kuasa pada 12 Ogos 2021.

Dimaklumkan bahawa Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 10 Tahun 2021 ini terpakai bagi urusan dan pengendalian kes sivil dan kes jenayah di Mahkamah-Mahkamah yang terletak di lokasi-lokasi yang diisytiharkan sebagai telah memasuki Pelan Pemulihan Negara Fasa III. Arahan ini boleh diakses di sistem e-Arahan Amalan melalui pautan <https://tinyurl.com/AAKHNBIL10>

Bagi sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, boleh menghubungi Bahagian Komunikasi Korporat, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di alamat emel: [komunikasikorporat@kehakiman.gov.my](mailto:komunikasikorporat@kehakiman.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 9 Ogos 2021**